

29 MAY 2000

INDONESIA-MINYAK/I

JADILAH RAKAN KONGSI KAMI DALAM PROJEK MINYAK: PERTAMINA

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Pertamina, syarikat perlombongan, minyak dan gas negara Indonesia, akan menawarkan kepada Petronas projek keluaran talian paip minyak AS\$800 juta (RM3.04 bilion) di pulau Jawa jika perbadanan minyak negara Malaysia itu sanggup melaksanakan projek itu secara usaha sama.

Presiden Pengarah Pertamina Baihaki Hakim berkata hari ini bahawa Pertamina juga akan menawarkan projek-projek pengeluaran minyak kepada Petronas di kawasan-kawasan luar pantai Selat Markesa.

Mengenai perkongsian ekuiti, katanya ia tertakluk kepada perundingan.

Katanya Pertamina sedang mencari rakan-rakan kongsi dari rantau ini kerana ia percaya terhadap memberi peluang-peluang kepada rakan-rakan serantau.

"Ia juga akan merupakan pulangan baik ke atas pelaburan. Banyak projek yang boleh diusahakan yang adalah baik bagi rakan-rakan kongsi serantau kami," beliau memberitahu pemberita selepas menghadiri pembukaan Persidangan Tahunan Minyak dan Gas Asia 2000 yang kelima, di sini.

Baihaki ketika menjawab kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini bahawa Petronas sanggup bekerja dengan Pertamina dalam pengeluaran minyak di Indonesia jika Pertamina sanggup menerimanya.

Dr Mahathir berkata demikian semasa menjawab satu soalan semasa persidangan akhbar sama ada Malaysia sanggup menjalin perikatan dengan Pertamina dalam pengeluaran minyak.

"Selama ini kita telah bekerja dengan syarikat-syarikat minyak asing dari Amerika Utara, Eropah dan Jepun dan kerana ini, kami fikir kenapa tidak berikan peluang kepada jiran-jiran kami," katanya.

Beliau berkata Indonesia dan Malaysia "mempunyai persahabatan yang lama melalui kerjasama serantau dan tiada sebab kenapa syarikat-syarikat minyak kedua-dua negara tidak boleh bekerja sama dalam pengeluaran minyak."

-- BERNAMA

ARA FR OS